

Realisasikan Ekonomi MADANI sampai ke batas akhir

Hakikatnya, sejak pergelutan mengatasi krisis ekonomi global dan pergelutan melepasi pandemik COVID-19 masih belum selesai sepenuhnya di sebalik pemulihan diusahakan, apatah lagi kita turut berdepan dengan kemelut politik tidak berkesudahan. Tidak hairanlah ramai tertunggu-tunggu penawar ekonomi menyeluruh terutama membabitkan kedudukan iktisad negara dan kualiti hidup rakyat daripada Kerajaan Perpaduan sejak ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Justeru, Ekonomi MADANI dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam, melambangkan tekad kerajaan menstruktur semula ekonomi agar Malaysia menjadi peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat. Ia dilambangkan dengan fokus 'menaikkan siling' dan 'menaikkan lantai', sekali gus menekankan kedua-dua komponen penting sebuah rumah lambang kepada negara, menunjukkan wawasan holistik meninggikan kedudukan iktisad negara tetapi pada masa sama, mengangkat martabat hidup penghuninya.

Dalam aspek 'menaikkan siling', tumpuannya adalah mereformasi dan menstruktur semula ekonomi, sekali gus menempatkan Malaysia menjadi hab serantau, mencipta lebih banyak juara rantauan sambil menjamin sekuriti dan kemampuan model ekonomi negara. Sisi 'menaikkan lantai' pula adalah bahagian untuk rakyat supaya keadilan sosial dapat memastikan kekayaan dikecapi bersama lebih saksama termasuk mewujudkan pekerjaan memberi taraf hidup bermakna serta kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat untuk menggapai kejayaan, tanpa meminggirkan kualiti pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan infrastruktur asas.

Kita berpandangan dasar dan penanda aras utama sebagai sasaran jangka sederhana serta panjang untuk menyambung trajektori pertumbuhan Malaysia dalam Ekonomi MADANI itu realistik dicapai, tinggal lagi bagaimanakah mekanisme ditentukan dan siapakah bertanggungjawab serta apakah diperlukan untuk mencapainya. Justeru, kita meminta semua kementerian yang akan menzahirkan hal itu melalui kerangka khusus termasuk Pelan Induk Perindustrian, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional Malaysia (NETR) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, memahami tanggungjawab besar bukan sahaja diletakkan Perdana Menteri, bahkan seluruh rakyat.

Dalam konteks ini, kita meminta semua kementerian terbabit tidak tergesa-gesa memperincikannya bukan sahaja supaya tidak dituduh sebagai gula-gula Pilihan Raya Negeri (PRN), tetapi lebih penting agar tidak separuh masak hingga menyebabkan berlaku kelemahan dan keciciran. Malah, kita juga mencadangkan aspek pemantauan diberikan penekanan supaya apa-apa sahaja polisi, inisiatif dan insentif diberikan tidak mempunyai lohong boleh ditembusi sebarang salah guna kuasa, ketirisan serta pembaziran atau tidak sampai kepada sasaran segmen rakyat ditentukan.

Realitinya, sebaik manapun Ekonomi MADANI dirangka dan disusun, ia tidak mungkin dapat direalisasikan atau melonjakkan negara dan melimpah kepada rakyat sekiranya tiada kerjasama semua terutama penjawat awam, sektor swasta daripada korporat gergasi hingga perusahaan kecil, mikro dan sederhana (PMKS), golongan pekerja serta petani, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat madani (CSO) dan semua pemegang taruh. Oleh itu, kita berharap setiap entiti dipertanggungjawabkan dalam menterjemahkan kerangka besar negara melaksanakannya hingga kita berjaya meninggikan siling ekonomi negara dan lantai tempat rakyat hidup, ibarat pepatah 'berjalan sampai ke batas, belayar sampai ke pulau.'